

SOALAN NO: 99

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik
Mohamad [Pasir Puteh]**

TARIKH : 2 Ogos 2017 (Rabu)

SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kedudukan dan kejayaan pengezonan (zoning) dalam lima tahun 2011 ke 2016, iaitu sebagai pendekatan pembangunan pertanian berasaskan produk, pembangunan secara sektoral melalui pengezonan kawasan pengeluaran pertanian yang telah dilaksanakan. Bagaimana perkembangan dan kejayaan pengezonan ini kepada pertanian di negeri Kelantan, khususnya di Parlimen Pasir Puteh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara dasarnya, tiada program khusus untuk pengezonan tanaman dalam tempoh 2011 hingga 2016. Walau bagaimanapun pengezonan tanaman telah dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian sebelum tempoh tersebut di mana ianya dibuat mengikut kesesuaian tanah, kesesuaian agro-ekologi dan sosio-ekonomik, keluasan tanaman serta kemudahan sedia ada.

Berdasarkan pemetaan guna tanah Jabatan Pertanian pada tahun 2011, didapati terdapat corak pembangunan pertanian mengikut zon. Pembangunan kawasan padi tertumpu di 3 jajahan utama di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kota Bharu dengan keluasan 47,026 hektar daripada keluasan keseluruhan 74,397 hektar. Bagi pembangunan kawasan tanaman buah-buahan, ianya tertumpu di 4 jajahan utama iaitu di Jeli, Pasir Mas, Kuala Krai dan Gua Musang seluas 16,416 hektar daripada jumlah keluasan buah-buahan iaitu 30,562 hektar. Manakala bagi tanaman sayuran adalah tertumpu kepada jajahan Tumpat dengan keluasan 1,205 hektar daripada jumlah keluasan 3,179 hektar. Bagi tanaman industri pula, lebih tertumpu kepada Bachok seluas 1,986 hektar daripada jumlah keseluruhan 5,628 hektar.

Kejayaan program ini boleh dinilai dengan pengeluaran tanaman di Kelantan meningkat daripada 503,212 tan pada tahun 2011 kepada 723,095 tan pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 44 peratus. Bagi jajahan Pasir Puteh, pengeluaran tanaman didapati meningkat daripada 68,066 tan pada tahun 2011 kepada 76,982 tan pada tahun 2016 iaitu meningkat sebanyak 13 peratus. Jajahan Pasir Puteh merupakan jajahan utama dan kedua tertinggi dalam pengeluaran tembikai selepas jajahan Bachok.

Selain itu, pengezonan bagi sub-sektor ternakan telah dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melalui program Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) yang mana penternak yang melaksana penternakan terutama secara integrasi diberi perkhidmatan mengikut lapan (8) zon KTS, iaitu Zon Utara, Tengah, Johor Utara, Johor Selatan, Pahang Timur, Pahang Barat, Terengganu dan Kelantan. Pada Disember 2016, keseluruhan penternak yang terlibat di dalam KTS adalah seramai 1,340 penternak lembu/ kerbau dan 883 orang penternak kambing/ bebiri, dengan jumlah ternakan sebanyak 186,568 ekor.

Bagi Zon Kelantan, ia melibatkan tiga (3) pusat KTS iaitu KTS Kemahang, Machang dan Gua Musang dengan jumlah keseluruhan penternak terlibat seramai 811 orang. Penternak yang terlibat di bawah Parlimen Pasir Puteh diberi

perkhidmatan oleh pusat KTS Machang seramai 413 orang penternak. Secara amnya Zon KTS telah menyediakan perkhidmatan veterinar kepada penternak yang berada di zon tersebut. Pelbagai perkhidmatan veterinar diberi termasuk khidmat teknikal untuk program kesihatan gerompok, pembiakan, serta khidmat nasihat untuk peningkatan produktiviti ladang.

Walau bagaimanapun, prestasi penternakan ruminan di dalam KTS di Kelantan menurun pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya disebabkan peningkatan kos pengeluaran dan harga ternakan baka yang meningkat di pasaran. Di samping itu, kekangan kawasan juga telah menyebabkan penternak tidak dapat mengembangkan aktiviti mereka selain tanaman semula sebahagian kawasan dengan tanaman sawit. Terdapat juga penternak yang tidak lagi meneruskan aktiviti penternakan selain terdapat peningkatan kadar sembelihan berbanding kemasukan ternakan baru.